

24/11/1999

Pekerja mesti dibenar undi

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Majikan sektor swasta yang tidak membenarkan pekerjaanya keluar mengundi pada pilihan raya umum 29 November ini, yang diisytiharkan sebagai cuti umum, dianggap melanggar undang-undang, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Beliau berkata, mengikut peraturan pilihan raya, majikan mesti memberi peluang kepada semua pekerjaanya mengundi.

"Ini bermakna, majikan yang tidak membenarkan pekerjaanya mengundi, dikira menyalahi undang-undang.

"Jadi kita harap semua majikan akan memberi peluang dan waktu kepada pegawai dan pekerjaanya sama-sama mengundi," katanya mengulas keengganan beberapa majikan memberi cuti bergaji pada hari mengundi.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak, dalam kenyataannya hari ini berkata, MTUC diberitahu beberapa majikan hanya akan memberi masa untuk pekerja mengundi dan selepas itu kembali bekerja, dan tidak cuti bergaji.

"Ini tidak adil kepada pengundi yang berdaftar di bandar kelahiran mereka tetapi bekerja di tempat lain," kata Zainal.

Berikutan itu, Zainal meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan arahan tegas kepada sektor swasta agar majikan memberikan cuti bergaji pada hari mengundi.

"Demokrasi tidak bermakna jika majikan tidak bersedia membenarkan pekerja mereka melaksanakan hak mengundi mereka. Kami meminta majikan agar bertanggungjawab dan membenarkan pekerja mengundi pada hari itu," katanya.

Terdahulu, Abdul Halim mengadakan lawatan ke ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di sini. Beliau diiringi Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar.

Mengenai hasil lawatannya, Abdul Halim Ali berkata, beliau berpuas hati dengan keutuhan sistem pengendalian pilihan raya yang dikendalikan SPR.

Beliau berkata, taklimat SPR mengenai persediaan menghadapi pilihan raya menunjukkan segala-galanya sudah bersiap sedia dengan operasi pengundian dijangka berjalan lancar.

Mengenai kemungkinan parti pembangkang dibenarkan memantau penggunaan helikopter untuk mengangkut peti undi di Sabah dan Sarawak, beliau berkata: "SPR sebagai badan bebas berhak mengambil tindakan yang difikirkan perlu."

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam SPR, Muhamad Aszahari Abdul Rahman berkata 1,200 wartawan dan jurugambar media cetak dan elektronik sudah mendaftar untuk membuat liputan pilihan raya kali ini.

(END)